

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Friday, September 15, 2017 11:22 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI MALAYSIA 2017



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**



15 SEPTEMBER 2017 / 24 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



**UUM ONLINE:**

## **PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI MALAYSIA 2017**

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Negaraku Sehati Sejiwa,

Seluruh rakyat Malaysia akan menyambut Hari Malaysia pada 16 September 2017. Atas anugerah Allah Subhanahuwataala ini, seyogianya kita menginsafi akan betapa bertuahannya kita, hidup dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, mengecapi keamanan dan kemakmuran. Apabila menyusur kembali pembentukan Malaysia, sumbangan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, yang kemudiannya dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama, perlu diberi penghargaan yang sewajarnya kerana mengilhamkan idea futuristik dengan menggabungkan sinergi politik, ekonomi dan sosial bagi kita menghadapi pelbagai keperluan serantau khususnya pada dekad-dekad berkenaan.

Natijahnya, Malaysia berjaya ditubuhkan setelah Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia ditandatangani oleh wakil-wakil Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai 1963. Alhamdulillah, walaupun berdepan dengan pelbagai rintangan, rakyat Malaysia diikat kukuh menerusi kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan di samping memahami bahawa 'keharmonian dalam kepelbagaian' mestilah diadun agar menjadi suatu kelebihan kepada negara yang dicintai ini.

Dalam konteks Universiti Utara Malaysia (UUM), setiap warganya disarankan agar terus menghayati erti kedaulatan dan ikatan Malaysia yang menaungi diri, keluarga, kelompok dan bangsa selama ini. Setiap gerak kerja atau usaha kita untuk membangunkan universiti tercinta ini mestilah selari dengan keperluan negara bangsa. Kita juga perlu memastikan agar generasi muda celek sejarah dalam usaha untuk memperkasakan jati diri mereka di samping meningkatkan semangat patriotik. Generasi muda harus memahami bahawa Hari Malaysia merupakan satu peristiwa penting dan sejarahnya sentiasa mekar dalam diri mereka.

Akhir kata, saya mendoakan agar sambutan Hari Malaysia pada tahun ini sentiasa mengingatkan kita tentang tanggungjawab bersama untuk terus melakar kejayaan sebagai penghargaan kita terhadap pengorbanan dan jasa generasi yang terdahulu. Keinsafan dan kesyukuran setiap warganegara perlu dijemakan dalam bentuk yang menjanjikan

kemajuan secara keseluruhan kepada Malaysia. Tiada apa yang lebih membahagiakan daripada dapat melihat keamanan dan kemakmuran menjadi milik generasi yang akan datang.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak  
Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia

**DARIPADA:**  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**  
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061  
☎ 04-928 3053  
✉ ukkuum@uum.edu.my  
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.